

24 JUL 2004

Sukan-Permotoran

300 PELUMBA DAN 100 KERETA DIJANGKA BERAKHIR DI LITAR SEPANG

SEPANG, 24 Julai (Bernama) -- Seramai 300 pelumba, 100 buah kereta dan 1,000 mekanik dijangka menguji ketahanan fizikal dan kesanggupan kereta mengharungi Perlumbaan Lasak Milenium Merdeka (MME 2004) di Litar Sepang di sini, bulan depan.

Pengerusi Litar Antarabangsa Sepang (SIC) Datuk Mokhzani Mahathir berkata respons pasukan perlumbaan termasuk dari luar negara untuk acara itu adalah amat menggalakkan.

"Lima pelumba dari Hong Kong dan satu dari Taiwan merupakan antara peserta pertama untuk mendaftar bagi perlumbaan dari 26 hingga 28 Ogos ini.

"Sehingga ini, SIC telah menerima lebih 50 penyertaan. Tarikh akhir penyertaan ialah 16 Ogos," katanya kepada pemberita pada pelancaran awal MME 2004 di Litar Sepang di sini, hari ini.

Bagaimanapun, daripada jangkakan 100 buah kereta, hanya 77 dibenarkan berlumba pada perlumbaan sebenar pada 28 Ogos iaitu mengikut peraturan lesen perlumbaan yang diluluskan kepada SIC oleh Persekutuan Antarabangsa (FIA), katanya.

Katanya, pusingan kelayakan MME 2004 akan diadakan pada 27 Ogos. "Keputusan SIC tidak mengadakan perlumbaan pada Hari Kebangsaan, 31 Ogos, adalah bagi memberi peluang kepada peminat tempatan menyertai sambutan MME. Pada tahun-tahun sebelum ini, ramai melepaskan peluang ini kerana mereka terbabit dengan acara lain sempena Hari Kebangsaan," katanya.

MME diperkenalkan pada 2000 dengan 52 penyertaan dan pada tahun berikutnya telah menerima lebih 77 penyertaan sehingga memaksa penganjur, SIC, mengadakan pusingan kelayakan masa.

Acara MME dibahagikan kepada empat kategori iaitu kelas terbuka untuk semua kereta ubahsuai, kelas A untuk kereta bahawa 1900cc, kelas B antara 1601 hingga 1900cc dan kelas C untuk kereta di bawah 1600cc.

Harga tiket serendah RM20 bagi tempat grandstand boleh dibeli di

litar

itu atau menerusi Internet di alamat www.malaysiangp.com.my.

-- BERNAMA

ZAS SR DC PR